

**ANALISIS**Noor Mohamad  
Shakil Hameed

# Debaran kini di penghujung

## Perhitungan ibu segala pilihan raya terjawab malam ini

**H**ari yang ditunggu-tunggu lebih empat tahun lalu akhirnya tiba juga. Malam ini kita dapat menyaksikan sama ada Barisan Nasional (BN) mampu meneruskan rentak kemenangan dalam pilihan raya negara kita terutama kemampuan untuk bangkit daripada tsunami politik 2008, sekali gus meraih kembali kemenangan majoriti dua pertiga.

Seluruh rakyat Malaysia menantikan keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) ini dengan penuh debaran dalam suasana politik yang amat mencemaskan kerana PRU-13 dilihat sebagai ibu segala pilihan raya.

Hal ini kerana pada PRU-13 semua pihak dapat lihat betapa hebatnya usaha kedua-dua pihak iaitu BN dan pakatan pembangkang untuk memenangi hati pengundi melalui pelbagai inisiatif dan insentif dalam manifesto masing-masing yang diperincikan dalam setiap kempen mereka sejak hari penamaan calon tempoh hari.

Uniknya kali ini sambutan rakyat kepada ceramah dan kempen anjuran kedua-dua pihak ini memang rancak dan sukar untuk kita bezakan siapa sebenarnya pilihan pengundi.

Melihat pada senario ini timbul persoalan apakah pengundi atas pagar bakal menjadi penentu dalam PRU kali ini terutama 2.6 juta pengundi kali pertama.

Maka, tidak hairanlah semua pihak menantikan keputusan malam ini. Apakah BN sekali lagi akan diberi peluang untuk memerintah atau mampu meraih kembali majoriti dua pertiga? Atau apakah bakal berlaku satu lagi tsunami politik?

Begitu juga apakah BN mampu merampas kembali Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah di samping mempertahankan negeri lain atau pembangkang akan terus memerintah negeri terbabit?

Apakah nyata, keputusannya terletak di tangan setiap seorang daripada kita yang diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab hari ini yang ditetapkan sebagai tarikh keramat untuk mengundi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Dalam hal ini kita tidak boleh mengelak berbicara mengenai situasi genting membabitkan persaingan hebat bak buku bertemu

ruas antara BN dan pembangkang di beberapa negeri dan kawasan panas.

Misalnya, seluruh rakyat Malaysia menantikan keputusan di Parlimen Gelang Patah yang dikenal pasti antara lapan kerusi panas dalam PRU-13 ini.

Pertarungan kerusi Gelang Patah yang mempunyai 106,864 pengundi menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara mantan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Penasihat DAP Lim Kit Siang.

Kerusi itu disandang Tan Ah Eng daripada BN dengan majoriti 8,851 undi.

Kerusi itu menjadi perhatian semua pihak kerana menguji kesetiaan pengundi Cina berpihak kepada siapa selama ini.

Apakah BN mampu mengekalkan kerusi ini walaupun meletak seorang calon Melayu di kawasan majoriti Cina atas dasar kesetiaan pengundi Cina kepada BN atau DAP merampas kerusi ini atas dasar pengundi Cina mengundi calon berketurunan Cina tanpa mengira ideologi politik yang diperjuangkan?

Apakah nyata kedua-dua tokoh politik gergasi itu mempunyai kelebihan masing-masing apabila Abdul Ghani dilihat lebih dominan di Johor berbanding Kit Siang yang popular pada peringkat kebangsaan.

Hakikatnya keputusan di Gelang Patah akan menggambarkan corak dan hala tuju baru dalam dunia politik di Malaysia, malah ia bakal mencerminkan sejauh mana hubungan, toleransi dan perpaduan kaum subur serta masih kuat di negara kita.

Satu lagi kerusi panas yang memberikan impak besar dalam kancah politik kita ialah Parlimen Putrajaya. Setiausaha Agung BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga penyandang kerusi Parlimen Putrajaya selama dua penggal sejak 2004 akan menghadapi pertandingan satu lawan satu dengan Naib Presiden PAS Datuk Husam Musa.

Pada 2008 beliau memperoleh majoriti 2,734 undi. Putrajaya adalah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Maka, ia dilihat sebagai simbolik dan mercu tanda sebagai penting yang perlu dipertahankan BN andai terus kekal berkuasa.

Walau apa pun pilihan tetap di tangan pengundi Putrajaya yang hampir keseluruhannya terdiri daripada penjawat awam. Dalam hal ini, tiba masanya penjawat awam menilai dengan adil dan

matang apa yang dibuat selama ini oleh BN untuk kemudahan seluruh penjawat awam berbanding apa sedang ditawarkan pembangkang melalui manifesto mereka sebelum memangkahkan pilihan hati masing-masing.

Ini bakal menjadi pilihan antara realiti dan bayangan. Walaupun ramai yang beranggapan inilah masanya untuk penjawat awam membalas segala jasa dan budi BN selama ini, pilihan tetap di tangan pengundi. Semoga penjawat awam memangkahkan dengan penuh tenang dan bijak.

Begitu juga halnya apabila kita menganalisis persaingan hebat antara BN dengan pembangkang di beberapa negeri seperti di Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Kelantan, Johor dan Perak.

Sudah semestinya tumpuan semua pihak bakal terarah kepada keputusan di Pulau Pinang, Selangor, Kedah dan Kelantan.

Persoalannya apakah pakatan pembangkang mampu bertahan atau BN mampu merampas kembali negeri terbabit?

Dari segi tawaran manifesto serta strategi dan kerancangan kempen menunjukkan kedua-dua pihak memiliki peluang sama rata dan seimbang pada kali ini berbanding 2008.

Walaupun rakyat Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor misalnya dikatakan dahagakan perubahan serta menyekali tindakan pada 2008, apakah pengundi mampu terjemahkannya dalam kertas undi pada hari ini?

Tiada gunanya berbicara berhubung perubahan andai pengundi gagal merealisasikan dalam kertas undi.

Usah sesekali membiarkan piang berbuah dua kali dan perlu ingat sesal dahulu ada pendapatan dan sesal kemudian tiada gunanya.

Dalam pada itu, Johor dan Perak dilihat mula menarik perhatian ramai. Di Perak misalnya, apakah drama dirampas pembangkang dan kemudiannya jatuh balik ke tangan BN berulang?

Rakyat Perak sudah semestinya boleh menilai kredibiliti dan kemampuan BN dan Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Sekali lagi pilihan di tangan rakyat Perak sama ada kekal meneruskan agenda pembangunan dan kemajuan dengan BN atau sebaliknya.

Apapun pengundi perlu sedar masa untuk bereksperimen sudah lama berlalu. Memilih kerajaan bukanlah umpama me-

milih mahu pun menukar pakaian. Sepatutnya tidak boleh dilakukan dengan emosi.

Pada masa sama, Johor yang sekian lama menjadi kubu kuat BN mula menerima asakan hebat daripada pembangkang dalam PRU kali ini.

Misalnya di samping Kit Siang di Gelang Patah, beberapa nama besar turut bertanding di Johor seperti mantan Menteri Kabinet BN Datuk Chua Jui Meng di Segamat, orang kuat PAS, Salahuddin Ayub di Pulau serta seorang lagi orang kuat DAP, Teo Nie Ching di Kulai.

Malah, kesanggupan PAS membenarkan calon bukan Islam menggunakan lambang mereka bertanding di Johor membuka satu lagi lembaran baru dalam kancah politik tanah air.

Apakah ini satu lagi strategi untuk menarik sokongan orang Melayu? Semuanya bakal terjawab malam ini.

Apakah ini satu lagi strategi untuk menarik sokongan orang Melayu? Semuanya bakal terjawab malam ini.

Apapun rakyat disajikan alternatif dan pilihan cukup menarik untuk membuat pilihan. Dalam hal ini kerancangan Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia yang menjadi nadi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Johor menjadi peredaran.

Ringkasnya keputusan malam ini bakal menjadi medan penting untuk seluruh bangsa Malaysia. Apakah kita akan terus maju ke hadapan atau bakal terencat segala perancangan yang disusun rapi selama ini bagi menuju impian menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada 2020?

Ingat juga masyarakat luar terutama puak Yahudi dan anasir jahat turut sama memerhatikan dengan rapat keputusan PRU kali ini untuk mencuri peluang mengucarkacirkan negara kita melalui pelbagai cara.

Bukti terbaru melalui klip video berjudul 'Malaysia Prophecy from Jerusalem' yang tersebar dalam laman YouTube baru-baru ini mengesahkan adanya usaha pihak Yahudi atau Israel untuk mencampuri urusan dalaman negara kita.

Maka apakah kita sanggup membenarkan keadaan itu berlaku di negara kita? Sama-malah kita renungkan sejenak sebelum tangan kita memangkahkan kertas undi.

**Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM)**